

03/03/1998

Pergiatkan perkongsian bestari: PM

Kamal Ahmad; Faizal Fadzil; Kadir Dikoh

PETALING JAYA, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kegawatan ekonomi negara dapat dipulihkan lebih cepat dengan mewujudkan perkongsian bestari di semua peringkat masyarakat.

Perdana Menteri menegaskan, segala masalah yang menghalang perkongsian itu mesti disingkir dan ditolak bagi membolehkan ekonomi negara dipulihkan segera dan semua pihak menikmati faedahnya.

Menurutnya, dalam perkongsian bestari, kepentingan semua pihak mesti dijaga. Ia bukan sahaja membabitkan kalangan kerajaan dan masyarakat perniagaan, malah pekerja serta seluruh peringkat masyarakat.

"Dalam apa juga tindakan, kita mesti menganggap diri kita sebagai rakan kongsi kepada orang lain. Dengan prihatin kepada kepentingan rakan kongsi dan membantunya, kita akan memantapkan lagi usaha pemulihan ekonomi.

"Perkongsian bestari adalah satu cara untuk memulihkan ekonomi. Apa sahaja yang menghalang perkongsian itu mesti disingkir," katanya ketika memberi ucapan pada majlis Dialog Perkongsian Bestari Kebangsaan (NSPD), di sini hari ini.

Dialog dua hari anjuran Kumpulan Kerajaan-Industri Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (Might) bertema 'Memulihkan Ekonomi Menerusi Perkongsian Bestari' itu, dihadiri lebih 300 pemimpin kerajaan, sektor swasta dan kesatuan sekerja.

Ia bertujuan membincang dan mencambah idea mengenai isu berkaitan dan mencari penyelesaian, terutama dalam konteks menangani masalah kegawatan ekonomi negara sekarang.

Dr Mahathir berkata, semua pihak perlu melakukan beberapa tindakan terutama berkaitan sikap dan kebijaksanaan untuk membantu usaha pemulihan ekonomi negara.

"Sekarang kita dalam usaha untuk memulihkan ekonomi negara berikutan kesan kejatuhan nilai ringgit dan saham. Untuk berjaya, kita mesti berpegang kepada nilai mulia, moral, ikhlas, jujur dan prihatin antara satu sama lain," katanya.

Perdana Menteri juga menggesa pelabur Malaysia supaya jangan mudah dipengaruhi oleh orang lain dan menjual saham mereka semata-mata untuk meraih keuntungan apabila harganya meningkat.

Menurutnya, orang ramai tidak harus membeli mata wang asing atau menyimpan wang mereka dalam bank asing kerana mereka akan menghalang ahli perniagaan tempatan daripada mendapatkan pinjaman yang diperlukan untuk tujuan operasi dan perniagaan mereka.

"Kita tidak harus mengeluarkan wang kita dari bank-bank Malaysia hanya kerana ada orang mendakwa bank-bank kita lemah dan mungkin bankrap walaupun mendapat jaminan kerajaan.

"Sebaliknya, kita harus menyokong perniagaan tempatan dalam apa juga cara...kita harus menyokong Kempen Beli Barangan Malaysia dan mengurangkan perjalanan ke luar negara," katanya.

Dr Mahathir berkata, perkongsian bestari sudah wujud antara kaum ketika pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan disusuli oleh Dasar Pembangunan Nasional (DPN), perkongsian dengan kerajaan, sektor swasta serta pekerja dengan kesatuan sekerja selain perkongsian melalui kaedah penswastaan.

"Semua perkongsian bestari ini bukan setakat perlu diteruskan, malah mesti dipergiatkan," katanya sambil menegaskan asas kemakmuran negara ialah pertumbuhan ekonomi pada paras yang tinggi.

Dr Mahathir menegaskan, negara mungkin tidak perlu tumbuh pada paras

lama bagi mencapai pemulihan, tetapi kita perlu memastikan pertumbuhan yang mampan dan berpatutan dicapai.

(END)